

# Definisi keganasan rumah tangga akan diperluaskan — Shahrizat

UM-25-Oct-2005

KUALA LUMPUR 24 Okt. — Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil memberitahu, definisi keganasan rumah tangga dalam Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 akan diperluaskan.

Tambahnya, definisi keganasan rumah tangga tidak akan meliputi elemen fizikal semata-mata tetapi akan diperluaskan kepada elemen psikologikal, mental dan emosi melalui rancangan pindaan akta itu.

“Elemen itu secara dasar telah dipersetujui seperti yang terkandung dalam Akta Kanak-Kanak 2001.

“Jawatankuasa Pindaan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 di kementerian telah mengkaji kemungkinan memperluaskan definisi keganasan rumah tangga yang merangkumi elemen penderaan secara psikologikal, mental dan emosi,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan asal **M. Kula Segaran (DAP-Ipoh Barat)** yang ingin tahu bilakah akta berkenaan akan dipinda pada Persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini.

Katanya, cadangan pindaan definisi itu walaupun tertakluk kepada kepada

ulasan dan pandangan daripada agensi kerajaan yang berkaitan dalam pelaksanaan akta berkenaan.

Shahrizat menambah, kementerian itu telah mengambil tindakan sewajarnya untuk mengkaji kelemahan yang terdapat pada akta itu dengan merangka beberapa cadangan pindaan kepadanya.

“Cadangan ini akan dirumuskan dengan agensi kerajaan berkaitan pada hujung Oktober ini,” katanya.

Ujar beliau, beberapa siri perbincangan telah diadakan dengan beberapa pertubuhan bukan kerajaan dan agensi berkaitan.

Katanya, kementerian juga telah mengenal pasti isu pelaksanaan dan pentadbiran yang perlu diselesaikan bersama dengan agensi kerajaan lain yang terlibat dalam pindaan tersebut.

“Satu prosedur standard juga akan dirangka semula bagi penambahbaikan kepada yang sedia ada dan akan dibentangkan bersama pindaan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994,” katanya.

Menjawab soalan tambahan **Mohamed Yusop Majid (BN-Setiu)** yang ingin tahu mengenai jumlah anak luar nikah, Shahrizat

berkata anak luar nikah yang diuruskan oleh kementerian itu merangkumi kanak-kanak yang memerlukan jagaan dan perlindungan yang dirujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengikut Akta Perlindungan Kanak-Kanak 2001.

Beliau berkata, bilangan anak luar nikah yang diletakkan di bawah JKJ pada tahun 2000 ialah 67 orang, 2001 (101), 2002 (67), 2003 (41), 2004 (40) dan 2005 (28).

Tambah beliau, gejala itu berpunca daripada beberapa faktor seperti pergaulan bebas, kurang pengawasan



SHAHRIZAT ABDUL JALIL

dan bimbingan sempurna daripada ibu bapa, kurang pendidikan agama, diperdaya oleh teman lelaki, mangsa kes rogol dan sumbang mahram.